




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 298 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 48,868 kes. Tiada kes kematian direkodkan hari pada ini.
- 2 Pada hari ini, seramai 391 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 45,212 orang. Sejumlah 2,152 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 709 orang di hospital, 1,420 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 23 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 95 orang dan 27 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tambunan berubah dari zon merah ke zon jingga, manakala Daerah Sipitang bertukar dari zon jingga ke zon merah

4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu dilaporkan:

5 Daripada 298 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 223 kes (74.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 29 kes (9.7%), saringan kluster sedia ada 13 kes (4.4%), saringan PERKESO tujuh (7) kes (2.4%) dan 26 kes (8.7%) adalah dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,084 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,251 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,435 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 33.44%.

## **B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Bagi bantuan Prihatin COVID-19 2.0 sehingga 31 Januari 2021, sebanyak **1,826** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 36,758 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 242 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 28 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 68 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 29 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan dua (2) premis, di dua (2) buah daerah iaitu Kota Kinabalu dan Keningau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 89 lokasi di sembilan (9) daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu.
- 5 Jumlah kumulatif hebahan umum *info on wheels* yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan Malaysia Sabah sepanjang bulan Januari 2021 sebanyak 2,862 hebahan di 25 daerah seluruh Sabah.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.75%**.  
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	95%
2	Tenom	94%
3	Ranau	94%
4	Kunak	94%
5	Beluran	94%
6	Kota Belud	93%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Tuaran	93%
10	Keningau	93%
11	Kota Marudu	93%
12	Kudat	92%
13	Semporna	92%
14	Sandakan	91.5%
15	Papar	91%
16	Kota Kinabalu	91%
17	Penampang	91%
18	Lahad Datu	91%
19	Tawau	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
31 Januari 2021**